

24 JUN 2003

CHAN KONG CHOY GANTI DR LING SEBAGAI MENTERI PENGANGKUTAN

PUTRAJAYA, 24 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini mengumumkan pelantikan Timbalan Menteri Kewangan II Datuk Chan Kong Choy sebagai Menteri Pengangkutan bagi menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu sidang media di pejabatnya di sini bahawa Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen pula menggantikan Chan sebagai Timbalan Menteri Kewangan II manakala tempat Dr Ng diambil alih oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Fu Ah Kiow.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan manakala Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sen. Datuk M. Kayveas berpindah ke Jabatan Perdana Menteri sebagai Timbalan Menteri.

Perdana Menteri berkata Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan Donald Lim dilantik sebagai seorang lagi Timbalan Menteri Penerangan manakala Wakil Rakyat Ipoh Barat Datuk Ir. Ho Cheong Sing dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Wakil Rakyat Arau Mastika Junaidah Husin pula dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Dr Mahathir berkata pelantikan mereka berkuatkuasa selepas dimaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

-- BERNAMA

MAM MAD MFJ PR